

# 12 kakitangan awam ditahan kerja - KSU

SINAR 14-11-2007 MS 5

Sepanjang tempoh penahanan kerja itu, keempat-empat pegawai berkenaan dibayar emolumen bulanan 50 peratus.

DUA belas kakitangan awam yang didakwa di mahkamah oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) atas tuduhan menyelieweng dana awam menyeronokkan daripada Laporan Audit Negara 2006, telah ditahan kerja, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan.

Dalam satu kenyataan semalam, beliau berkata, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam memutuskan empat pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional ditahan kerja serta merta mulai 5 November lepas se-



**MOHD SIDEK HASSAN**

hingga diputuskan oleh mahkamah.

Tindakan itu diambil mengikut Peraturan 44, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Sepanjang tempoh penahanan kerja itu, keempat-empat pegawai berkenaan dibayar emolumen bulanan 50 peratus.

Mohd Sidek berkata,

seorang pegawai Kumpulan Sokongan di Perkhidmatan Awam Persekutuan telah ditahan kerja serta merta dengan dibayar emolumen 50 peratus, mulai 5 November mengikut peraturan yang sama.

Seorang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Perkhidmatan Badan Berkanun pula ditahan kerja dengan dibayar emolumen bulanan sebanyak 50 peratus mulai 30 Oktober lepas

oleh Jawatankuasa Tatatertib Badan Berkanun berkenaan.

Enam pegawai Kumpulan Sokongan di Perkhidmatan Awam Negeri telah ditahan kerja dengan dibayar emolumen bulanan sebanyak 50 peratus juga sepanjang tempoh penahanan kerja masing-masing.

Empat daripada mereka ditahan kerja mulai 23 Oktober manakala dua yang lain mulai 24 Oktober.



**“Suruhanjaya Perkhidmatan Awam memutuskan empat pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional ditahan kerja serta merta mulai 5 November lepas sehingga diputuskan oleh mahkamah.”**

■ Tan Sri Mohd Sidek Hassan